

# Bekerjasama atasi masalah rumah

PH 14 JUL 1986



KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir hari ini meminta semua pihak yang terbabit dalam projek perumahan kos rendah seperti kerajaan-kerajaan negeri, bank, pemaju dan kontraktor supaya bekerjasama mengatasi sebarang masalah dalam melaksanakan sesebuah projek.

Beliau juga meminta pihak-pihak lain seperti pertubuhan arkitek, *Master Builders Association*, persatuan pemborong dan persatuan perancang bandar supaya memberi sumbangan masing-masing untuk menjayakan program khas itu.

Katanya, melalui kerjasama yang rapat antara pihak-pihak itu, proses menyiapkan sesebuah projek perumahan menjadi lebih cepat dan tidak membebankan pembeli.

Perdana Menteri membuat seruan itu ketika melancarkan program khas perumahan kos rendah Kerajaan Negeri Selangor di Dusun Nanding, Ulu Langat, 20 kilometer dari sini pagi ini.

## Segera

"Saya menyeru semua pihak yang terbabit mengambil tindakan segera untuk melaksanakan program ini dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan," katanya kepada kira-kira 5,000 orang yang menyaksikan upacara itu.

Sehubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir mencadangkan supaya konsep pusat serenti atau *one-stop centre* diwujudkan oleh kerajaan negeri, pemaju perumahan dan bank, bagi mempercepatkan proses mendapatkan pinjaman.

Beliau yakin dengan cara itu, proses pertimbangan dan kelulusan yang rumit dan surat-menyurat yang berpanjangan, dapat diketepikan bagi melaksanakan program khas itu.

Oleh kerana ada pihak yang masih terkebelakang dalam melaksanakan program khas itu, Perdana Menteri meminta kerajaan-kerajaan negeri memilih segera pemaju-pemaju bagi projek yang akan dilaksanakan secara

pengswastaaan atau usahasama bagi tahun ini.

"Projek-projek yang akan dilaksanakan bagi tahun 1987 dan 1988 perlulah dikenal pasti dan dirancang mulai sekarang," tegasnya.

Perdana Menteri juga meminta pemaju-pemaju perumahan berusaha mengurangkan kos dan harga jualan rumah tanpa menjejaskan keselesaan penghuni dan mutu rumah yang dibina.

Katanya, Majlis Peguam patut memberi pertimbangan untuk mengurangkan kadar bayaran guaman bagi urusan pembelian rumah kos rendah itu manakala Lembaga Juruukur pula patut mengurangkan kadar bayaran ukur yang dikenakan.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap pihak-pihak berkenaan dapat menghasilkan dan mengembangkan idea-idea baru dalam mewujudkan teknologi baru bagi industri perumahan di negara ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, matlamat utama program khas perumahan kos rendah itu ialah untuk menambah kadar pertumbuhan ekonomi negara yang kini didapati lembap, di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menyediakan kemudahan perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah.

Katanya tanggungjawab utama menjayakan program khas itu terletak kepada sektor swasta, baik di segi pembiayaan atau perlaksanaannya kerana Bank Negara dan bank-bank perdagangan sudah menyediakan \$2,000 juta setahun untuk membiayai program itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, program itu tidak membabitkan peruntukan belanjawan pembangunan tahunan kerajaan kerana ia adalah tambahan kepada unit-unit rumah yang akan dibina oleh sektor awam dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML).

Kepada kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi lain, Perdana Menteri berharap semangat Persyarikatan Malaysia diamalkan, dengan memberi panduan dan khidmat sokongan yang diperlukan oleh pihak swasta secara berkesan dan cepat.